AKTIVITI

1. Senaraikan isi penting daripada teks.
2. Hasilkan perenggan kesimpulan berdasarkan bahan.

Penternakan Landak Raya

Penternakan landak raya semakin mendapat perhatian dalam sektor pertanian yang berbentuk komersial. Landak raya atau nama saintifiknya *Hystrix brachyura* merupakan spesies hidupan liar yang sukar didapati. Pihak Jabatan Perhilitan telah mengadakan program kerjasama dengan Institut Agrobioteknologi Kebangsaan tentang penternakan landak raya. Selain itu, Universiti Putra Malaysia juga telah menjalankan penyelidikan tentang spesies ini. Terdapat beberapa keistimewaan landak raya.

Daging landak raya lembut dan enak serta sesuai untuk pelbagai jenis masakan seperti rendang, kari, sup, dan sate. Kita boleh juga menikmati hidangan daging landak raya di restoran dan di gerai makanan. Hal ini menyebabkan permintaan terhadap daging landak semakin tinggi.

Seterusnya, kandungan lemak daging landak raya rendah dan mempunyai serat yang tinggi. Daging landak raya berkhasiat dan mengandungi asid amino yang tinggi untuk proses penyembuhan luka. Selain itu, daging landak raya boleh dijadikan pilihan kepada penggemar makanan berdaging.



Penternakan landak raya juga menguntungkan kerana harga daging landak raya mahal di pasaran. Permintaan yang tinggi dan berterusan daripada penggemar daging landak ini memberikan peluang kepada penternak landak raya untuk menambah sumber pendapatan.

PERKASA ILMU

Landak ialah sejenis hidupan liar yang dilindungi oleh Akta Perlindungan Hidupan Liar. Landak mempunyai habitat di kawasan hutan dengan membuat lubang di dalam tanah. Makanan landak ialah tumbuh-tumbuhan dan serangga. Duri tajam pada badan landak merupakan perisainya ketika berhadapan dengan musuh. Jangka hayat landak ialah dua tahun hingga lima tahun. Biasanya, berat landak adalah antara lima hingga 16 kilogram. Terdapat pelbagai jenis landak di Malaysia seperti landak raya, landak jawa, landak padi, landak nibung, dan landak borneo.

Tahukah anda?

Perenggan kesimpulan ialah perenggan akhir dalam sesuatu penulisan. Kesimpulan dibuat berdasarkan maklumat daripada keseluruhan penulisan dengan menggunakan wacana yang sesuai. Lazimnya, terdapat ayat yang memberi cadangan dan harapan dalam kesimpulan.

Contoh kesimpulan

Soalan: Huraikan faktor-faktor berlakunya kemalangan jalan raya.

Sebagai kesimpulannya, kes kemalangan jalan raya yang begitu tinggi di negara kita, terutamanya pada musim perayaan, perlulah diatasi. Dalam hal ini, pihak berkuasa mestilah bertindak tegas terhadap semua pengguna jalan raya yang melanggar peraturan dengan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada. Kempen-kempen yang dijalankan mestilah melibatkan semua pihak agar kesannya menyeluruh.

LIVEWORKSHEETS